

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab 3, penulis akan membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan metodologi kajian ini. Perkaedahan dan pendekatan kajian, persampelan, pengumpulan dan penganalisan data serta kriteria padanan yang difikirkan relevan dalam memberikan cadangan padanan akan cuba dijelaskan. Penjelasan mengenai metodologi kajian adalah penting kerana metodologi inilah yang telah difikirkan paling berkesan oleh penulis untuk diterapkan dalam kajian mengenai padanan terjemahan.

3.1 Perkaedahan dan Pendekatan

Secara umum, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah penelitian tertumpu yang dijalankan terhadap teks terpilih. Oleh yang demikian kajian ini hanya menumpukan aspek-aspek seperti sampel kajian (dikutip daripada teks terpilih) dan penganalisan.

Dalam kajian ini, penulis akan cuba mengutarakan cadangan padanan bagi sampel kata nama yang terpilih dan seterusnya cuba menghuraikan pendekatan-pendekatan yang dapat digunakan untuk mengatasi masalah padanan dalam penterjemahan teks daripada bahasa Jepun (bahasa sumber) kepada bahasa Melayu (bahasa sasaran). Kata nama yang dibincangkan meliputi kata nama am, kata nama khas, ganti nama diri dan kata nama terikat. Angka dan bilangan tidak dibincangkan walau pun kata-kata tersebut juga termasuk dalam kategori kata nama.

Di samping itu sebagai usaha untuk menyakinkan dan mengukuhkan lagi dapatan kajian ini, penulis telah menjalankan satu soal selidik terjemahan ke atas 6 orang pensyarah berpengalaman dari Unit Bahasa Jepun, Pusat Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Hasil soal selidik tersebut kemudiannya akan dibandingkan dengan cadangan padanan yang telah penulis utarakan.

Sementara itu sebagai perkaedahan dan pendekatan kepada kajian ini, penulis akan menggunakan teori dan model yang telah disarankan oleh **Nida (1964)** iaitu **penterjemahan dinamis** dan **padanan sejadi terdekat**. Disamping itu juga penulis akan turut merujuk kepada penulisan **Mashudi Kader dan Low Bee Eng** iaitu *Padanan Kata Depan dan Kata Sandang* (1993), *Peranan konteks dalam penterjemahan dan implikasinya terhadap pengajaran* (1993) dan *Padanan dan Penyelesaian:*

Penterjemahan Kata Namaan (1993) sebagai panduan kepada kajian ini. Ini adalah kerana di dalam kajian-kajian yang telah dikemukakan dalam makalah-makalah tersebut, terdapat teori dan model yang telah diutarakan oleh Nida itu.

Justeru itu, sebarang penyelesaian dan cadangan terjemahan kata nama yang akan dikemukakan dalam kajian ini nanti adalah berdasarkan kepada beberapa tanggapan dan strategi yang disarankan seperti berikut:

- a. Proses sesuatu penterjemahan itu akan melibatkan aktiviti 'penghasilan semula' mesej dari bahasa sumber dengan padanan sejadi terdekat dalam bahasa sasaran, pertama dari sudut makna dan keduanya dari sudut gaya atau stailnya (Nida, 1964). Atau dalam kata lain, mencari padanan kata yang sesuai (sejadi dan paling hampir) dalam bahasa sasaran yang dapat membawa serta menampung makna / mesej / fungsi dari bahasa sumber.
- b. Oleh kerana sesuatu penterjemahan itu harus berpihak kepada pembaca teks terjemahan, di mana kesan yang diterima dan tindak balas yang diberikan oleh pembaca teks terjemahan semestinya sama sebagaimana kesan yang diterima dan tindak balas yang diberikan oleh pembaca teks asal, maka 'penghasilan semula' mesej seharusnya mudah difahami dan diterima oleh pembaca teks terjemahan. Untuk itu sebagai seorang penterjemah yang baik seharusnya ia bijak melakukan sedikit sebanyak penyesuaian dan pengubahan dalam hal-hal seperti penyesuaian gramatikal dan pemilihan leksikal yang sesuai supaya kelak

apa yang telah diniatkan oleh penulis teks asal dalam teksnya turut dapat disampaikan kepada pembaca teks terjemahan.

- c. Apa yang dicari ialah padanan dan bukannya keserupaan yang kadang kala keserupaan itu hanyalah pada bentuk sesuatu ujaran itu sahaja. Padanan yang dapat membawa serta menampung makna / fungsi dari bahasa sumber. Dan semestinya ianya padanan yang sejadi dan terdekat, di mana tidak akan terdapat kejanggalan dalam penggunaannya. Sesuatu hasil terjemahan yang baik itu seharusnya tidak 'berbau' terjemahan. Dan yang dikatakan sesuatu padanan itu semestinya setelah diambil kira konteks penggunaannya sama ada dari sudut linguistik maupun bukan-linguistik.
- d. Sering dikatakan padanan yang sebaik-baiknya ialah padanan satu lawan satu antara yang terdapat dalam teks sumber dengan bentuk terjemahannya dalam teks sasaran. Sekiranya **X** ialah kata di dalam teks sumber, maka padanannya ialah **Y** di dalam teks sasaran dan sekiranya **Y** ialah kata dalam teks sasaran, maka padanannya ialah **X** di dalam teks sumber nanti. Namun demikian keadaan seperti ini memang sukar ditemui, kerana telah diketahui bahawa sesuatu perkataan itu jarang-jarang sekali membawa makna yang sama terutamanya dalam konteks yang berlainan. Justeru itu sekiranya keadaan seperti di atas tidak dapat dicapai, maka padanan berdasarkan konteks akan diutamakan.
- e. Walaupun telah dijelaskan sebelum ini bahawa dalam sesuatu penterjemahan, yang paling diutamakan ialah makna iaitu kandungan

mesej sesuatu teks itu. Walaupun demikian tidak kurang pentingnya ialah gaya atau stail sesuatu teks itu , terutamanya dalam penterjemahan yang melibatkan teks berbentuk puisi, di mana stail sesuatu teks perlu diambil kira. Ini bermakna sekiranya sesuatu terjemahan yang mengekalkan stail teks sumbernya tidak akan menjejaskan makna, maka ia patut diteruskan. Tetapi sekira berlaku sebaliknya, perlulah diingat di sini, keutamaan sesuatu penterjemahan adalah pada maknanya.

f. Sebagaimana saranan Nida, mencari padanan seharusnya dengan mengutamakan **padanan dinamis** (dynamic equivalence) di mana ia lebih mementingkan emik (misalnya kesesuaian mesej dan kesesuaian dari segi situasi sosial dan kebudayaan) bahasa sasaran daripada **padanan formal** (formal equivalence) di dalam teks sumber (Nida, 1964).

Lantaran itu, dengan berdasarkan tanggapan dan strategi di atas, kajian ini akan menganalisis sampel-sampel terpilih yang terdapat dalam teks, dan seterusnya mencadangkan padanan yang difikirkan relevan dari aspek kesesuaian dan keserasian penggunaannya mengikut saranan Nida.

3.2 Persampelan

Contoh-contoh kata nama yang menjadi sampel dalam kajian ini telah dipetik dari ayat-ayat yang digunakan dalam dua buah karya kreatif iaitu dari dua buah novel ; *Hatsukoi* dan *Hyaku Ikkai Me No Puropousu*.

Karya kreatif dipilih sebagai bahan kajian kerana penulis berpendapat bahawa penterjemahan yang melibatkan karya kreatif adalah lebih mencabar dan memerlukan lebih penelitian. Tambahan pula kebanyakan daripada karya kreatif menggunakan perkataan-perkataan yang sebahagian besarnya mempunyai makna konotasi jika dibandingkan dengan karya bukan kreatif. Dan kadang kala terdapat juga karya kreatif yang terhasil dari curahan hati dan perasaan penulis yang mendorong kepada penggunaan perkataan yang banyak membawa makna tersurat. Dan bukan itu sahaja, kebanyakan karya kreatif juga mempunyai cara persembahan atau dalam kata lain mempunyai gaya / stail penulisan yang tersendiri mengikut *mood* penulisnya.

Justeru itu pada fikiran penulis, walaupun kedua-dua teks yang penulis pilih ini terdiri dari karya kreatif tetapi karya-karya ini sebenarnya telah mempersembahkan dua stail penulisan yang berbeza; di mana novel *Hatsukoi* adalah sebuah novel berat yang menggunakan bahasa yang agak kesusasteraan dan telah dikategorikan sebagai novel seram (siri novel seram). Sementara novel *Hyaku Ikkai Me No Puropousu* pula adalah sebuah novel ringan (novel cinta) yang menggunakan bahasa yang lebih

ringkas iaitu bahasa lazim yang mudah difahami. Disamping itu juga, sebenarnya perbezaan stail penulisan telah memberi tahu kita bahawa terdapat dua golongan pembaca sasaran yang berbeza. Novel *Hatsukoi* yang agak berat itu mempunyai pembaca sasaran yang lebih dewasa iaitu dikalangan mereka yang berumur 18 tahun ke atas. Sementara novel *Hyaku Ikkai Me No Poropousu* pula lebih sesuai dibaca oleh pembaca dari golongan muda, misalnya mereka yang berumur di antara 15 ke 25 tahun.

3.2.1 Teks 1 : *Hatsukoi*

Hatsukoi sebuah novel yang agak berat hasil tulisan *Tatsuya Yoshimura*. *Hatsukoi* yang bermaksud 'cinta pertama' adalah sebuah kisah seram yang mengisahkan kehidupan seorang lelaki *Yasushi Miyake*, 30 tahun yang pada mulanya hidup dalam serba kesederhanaan baik dari segi pekerjaan maupun dalam kehidupan rumahtangga bersama *Hiroko*, wanita yang telah dikahwininya sejak empat tahun yang lalu. Namun demikian kesederhanaan hidup yang diharapkan berpanjangan sehingga ke akhir hayat itu, musnah dalam sekelip mata, apabila suatu hari muncul seorang wanita, *Katsue Hirahata*, yang telah menyimpan perasaan cintanya terhadap *Yasushi* sejak di bangku sekolah menengah rendah lagi. Cinta yang terpendam sejak enam belas tahun yang lalu itu tidak pernah dibalas oleh *Yasushi*. Ini telah mengakibatkan *Katsue* begitu kecewa sekali

sehingga memberi kesan psikologi yang begitu mendalam. Perasaan kecewa yang tidak terkawal telah mendorong *Katsue* melakukan perkara-perkara yang kejam dan ngeri seperti pembunuhan terhadap wanita-wanita yang dianggapnya sebagai batu penghalang dalam usahanya untuk mendapatkan *Yasushi*. Walaupun akhirnya beliau membunuh diri setelah mendapati usahanya itu sia-sia, sebagai balasan dendam beliau telah dapat menghancurkan masa depan *Yasushi*.

Penulis berpendapat bahawa pengarang telah berjaya menghasilkan novel ini dengan penggunaan bahasa-bahasa yang cukup kreatif, rima yang agak seragam dan pemilihan leksikal yang menarik dan bersahaja. Walaupun pengarang menggunakan leksikal-leksikal yang agak canggih dengan perkataan-perkataan pinjaman yang kadang-kala agak sukar bagi penulis meneka maksudnya, pengarang telah berjaya mengheret para pembaca mendalami dan merasai peristiwa ngeri yang berlaku seolah-olah melihat dengan mata kepala sendiri. Misalnya, bagaimana pengarang menggambarkan satu-persatu kengerian peristiwa bagaimana *Katsue* cuba membunuh diri dengan memecahkan cermin di bilik mandinya, kemudian mengunyah serpihan kaca-kaca tersebut dengan darah yang berhamburan dari mulutnya dan raungan *Katsue* akibat kesakitan. Secara peribadi, penulis amat berpuas hati dengan karya ini.

3.2.2 Teks 2 : *Hyaku Ikkai Me No Puropousu*

Berlainan daripada karya *Hatsukoi*, novel *Hyaku Ikkai Me No Puropousu* yang bermaksud 'lamaran ke 100 kali' adalah sebuah novel cinta ringan yang menggunakan bahasa-bahasa yang lebih ringkas dan mudah. Novel hasil karya *Shinji Nojima* ini sebenarnya adalah sebuah karya yang telah diadaptasikan dari drama bersiri. Slot drama yang amat popular di sekitar tahun 1991 ini telah ditayangkan di sebuah stesyen televisyen swasta di Jepun. Drama bersiri *Hyaku Ikkai Me no Puropousu* ini telah mendapat tempat di hati ramai penonton terutamanya di kalangan muda-mudi. Justeru itu, atas permintaan ramai yang masih merasa tidak cukup dengan hanya menonton di televisyen sahaja, ia akhirnya dinovelkan.

Novel kisah cinta ini berkisar mengenai kisah cinta antara *Tatsuo Hoshino*, 42 tahun, seorang jejaka terlajak yang telah 99 kali melakukan *omiaï* iaitu satu kelaziman yang dilakukan oleh masyarakat Jepun untuk mendapatkan jodoh di mana *nakodo*, iaitu orang tengah, akan memperkenalkan pasangan. Pasangan yang diperkenalkan hanya akan berkahwin setelah mereka merasakan terdapatnya kesesuaian antara mereka tetapi sekira sebaliknya berlaku perkenalan itu akan berakhir disitu sahaja. Bagi *Tatsuo* kesemua 99 kali *omiaï* yang telah dilakukannya berakhir dengan penolakan dari pihak perempuan. Pernah suatu ketika pasangannya lari di hari perkahwinan mereka. Sehingga kepada *omiaï* untuk yang ke 100 kalinya beliau telah diperkenalkan dengan *Kaori Yasui*, seorang pemain

muzik orkestra. *Kaori Yasui* ialah seorang wanita cantik idaman ramai lelaki, berkulit putih dan berambut panjang dan jika dipadankan dengan *Tatsuo*, ibarat langit dengan bumi. Inilah yang dikatakan cinta itu buta, tidak mengira rupa paras, pangkat dan darjat. Lamaran yang pada mulanya ditolak kerana *Kaori* masih tidak dapat melupakan tunangannya yang telah terkorban dalam kemalangan jalanraya di hari perkahwinan mereka, kemudiannya sedikit demi sedikit dapat diterima oleh *Kaori*. Setelah beberapa lama berlalu dengan berbagai peristiwa yang melanda cinta mereka, akhirnya lamaran untuk yang ke 101 kalinya dapat menyatukan mereka.

Oleh kerana novel ini dihasilkan selepas siri dramanya selesai ditayangkan di televisyen, untuk memenuhi permintaan penonton-penonton yang masih merasa tidak cukup dengan hanya menonton di televisyen sahaja, didapati penggunaan bahasa dalam novel ini lebih mudah dan ringkas tetapi cukup menarik. Tambahan pula jalan ceritanya juga tidak banyak berubah dengan kehidupan seharian. Berbeza dengan novel *Hatsukoi*, pengarang juga tidak banyak menghuraikan sesuatu keadaan dengan teliti kerana bagi pengarang, para pembaca sudah semestinya akan dapat membayangkan sendiri kerana mereka telah menontonnya di televisyen. Para pembaca akan membaca sambil membayang kembali apa yang telah dipertontonkan.

3.3 Pengumpulan dan Analisis Data

Penulis akan mengambil sampel-sampel kata namaan yang akan dianalisis secara rawak dari 2 buah teks terpilih secara berasingan iaitu Kata Nama Teks 1 dan Kata Nama Teks 2, supaya kelak kita akan dapat membandingkan antara kedua-duanya. Sampel-sampel ini kemudiannya dikategorikan ke dalam kumpulan kata nama am, kata nama khas, ganti nama diri dan kata nama abstrak.

Penganalisan yang teliti akan dibuat mengikut kumpulan-kumpulan ini berdasarkan tanggapan-tanggapan dan strategi-strategi yang telah dihuraikan seperti di atas. Setelah itu barulah diberikan cadangan padanan yang difikirkan paling relevan mengikut konteks penggunaannya, disamping menjelaskan kenapa ia difikirkan sesuai dan berpadanan. Dan akhir sekali penulis akan cuba membuat perbandingan terhadap pendekatan-pendekatan dan strategi-strategi yang digunakan untuk menyelesaikan padanan dalam kedua-dua teks.

3.4 Soal Selidik Terjemahan

Di dalam kajian ini juga, satu soal selidik terjemahan telah dijalankan ke atas 6 orang pensyarah berpengalaman dari Unit Bahasa Jepun, Pusat Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor dengan

objektif sebagai informan tambahan untuk mengukuhkan lagi dapatan dalam kajian ini kelak.

Setiap pensyarah berkenaan telah diberikan satu soal selidik yang dibahagikan 2 bahagian iaitu Teks 1 dan Teks 2 (Sila lihat lampiran 3). Mereka dikehendaki menterjemahkan kata nama bergaris di dalam setiap petikan ayat yang telah diberikan (kesemua kata nama yang dipilih sebagai sampel dalam kajian ini). Petikan-petikan ayat yang telah disediakan di dalam soal selidik tersebut telah diterjemahkan ke tulisan rumi. Penterjemahan yang dibuat hendaklah bergaris panduankan kepada perkaedahan dan pendekatan **penterjemahan dinamis** dan **padanan sejadi terdekat**. Oleh kerana mereka tidak berkesempatan untuk membaca kedua buah novel tersebut, penulis telah melampirkan sinopsis pendek untuk setiap teks supaya mereka dapat mengetahui serba-sedikit keseluruhan kandungan teks. Soal selidik ini juga memerlukan mereka memberi alasan kenapa mereka menterjemahkan kata nama-kata nama tersebut sedemikian. Mereka telah diberikan masa selama satu minggu. Pensyarah yang telah dipilih ini mempunyai pengalaman dalam pengajaran bahasa Jepun selama dua hingga sepuluh tahun. Berbahasa ibundakan bahasa Melayu serta mahir berbahasa Jepun. Kesemuanya berkelulusan daripada universiti di Jepun dan pernah menetap di sana di antara empat ke tujuh tahun. Mereka juga biasa melakukan kerja-kerja terjemahan. Hasil soal selidik ini kemudiannya akan dibandingkan dengan cadangan padanan yang telah kemukakan.

3.5 **Penutup**

Walaupun kajian yang dilakukan adalah melibatkan dua buah teks yang sama jenis iaitu teks karya kreatif, namun sedikit sebanyak tentu terdapat perbezaan dalam pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan permasalahan padanan. Dan inilah yang akan cuba dipertunjukkan oleh penulis, sungguh pun perbezaan yang dapat kita lihat nanti amat kecil sekali.

Dan sememangnya tidak dapat dinafikan lagi, bahawa selain daripada teks dan bahasa sumber itu sendiri, terdapat banyak lagi faktor yang mungkin mempengaruhi pendekatan dalam menyelesaikan masalah padanan seperti bahasa sasaran, pembaca sasaran, budaya bahasa sasaran dan sebagainya. Justeru itulah, ramai ahli bijak pandai yang berpendapat, amat sukar untuk menghasilkan satu teori mutlak bagi penyelesaian kepada masalah padanan. Lain teks lain pula pendekatan yang digunakan, dan lain penterjemah lain juga strategi yang digunakan.